

21/01/2002

Masa depan sukan bermotor di Malaysia cerah

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin masa depan sukan bermotor Malaysia amat cerah dengan negara suatu hari nanti akan dikenali sebagai antara peneraju dunia sukan itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mendapat manfaat daripada status pengorak sukan bermotor dengan menerajui pembabitan rantau ini dalam pembangunan enjin, bahan api dan pelincir termaju.

Katanya, semua usaha mengembangkan sukan itu akan diuji oleh pasukan negara pada peringkat tertinggi di luar negara dan di litar sendiri.

"Saya yakin kita sudah melangkah jauh dan kita kini sudah hampir mencapai tahap dunia," katanya berucap melancarkan kempen Go KL Minardi Asiatech di KLCC di sini malam ini.

Hadir sama ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Pengarah Eksekutif Magnum Corporation Berhad (Magnum), Lim Teong Leong dan pemilik pasukan Minardi Asiatech, Paul Stoddart.

Go KL Minardi Asiatech ialah kempen terbaru pasukan perlumbaan Formula Satu Minardi yang ditaja Magnum bagi mempromosikan bendera dan bandaraya Kuala Lumpur pada musim perlumbaan tahun ini.

Abdullah berkata, walaupun usaha kerajaan memajukan sukan bermotor khususnya perlumbaan Formula Satu mendapat banyak kritikan sebelum ini, tetapi keadaan sudah berubah.

Katanya, idea yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini dilihat semua pihak sebagai sesuatu yang memberi banyak manfaat kepada negara.

"Hari ini semua kritikan itu tidak kedengaran lagi," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan juga akan berusaha bagi menarik minat syarikat permotoran berteknologi tinggi bertapak di negara ini.

Beliau berkata, usaha itu adalah dengan membabitkan negara dalam industri permotoran dunia susulan kepada pencapaian Malaysia mewujudkan industri automobil sejak dua dekad lalu.

"Kehadiran syarikat berkenaan dan industri sokongan akan menjurus kepada sukan bermotor dan industri yang lebih menarik dan mantap," katanya.

Abdullah berkata, idea disebalik kempen Go KL Minardi Asiatech bagi mengambil kesempatan daripada kira-kira enam juta penonton yang menyaksikan perlumbaan Formula Satu.

(END)